

24/05/2003

Perubahan ke arah muafakat dalam MCA

JAWATANKUASA Pusat MCA yang bermesyuarat di ibu negara malam tadi mengesahkan peletakan jawatan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Datuk Seri

Lim Ah Lek sebagai presiden dan timbalan presiden setelah beberapa jam sebelum itu menolak hasrat kedua-duanya. Datuk Seri Ong Ka Ting dan Datuk

Chan Kong Choy masing-masing mengambil alih sebagai pemimpin nombor satu dan nombor dua parti itu. Ringkasnya, pelan damai bagi menyelamatkan MCA daripada dibelenggu krisis berlarutan kini terlaksana. Dr Ling dan Lim sudah melaksanakan tanggungjawab dengan mendahulukan keutamaan parti daripada kepentingan diri. Kini terserah kepada pemimpin dan ahli MCA sendiri untuk melunaskan bahagian masing-masing pula.

Krisis kepemimpinan MCA selepas pilihan raya umum 1999 yang diburukkan lagi dengan kewujudan dua puak - satu pimpinan Dr Ling dan satu lagi diketuai Lim - sesungguhnya membawa banyak iktibar dan pengajaran. Perpecahan yang menular hingga ke peringkat akar umbi, dengan kedua-dua puak saling bertikam lidah hingga sesetengahnya tidak lagi bertegur sapa, tidak pun menguntungkan sesiapa. Imej MCA sebagai parti komponen kedua terbesar dalam Barisan Nasional (BN) terjejas teruk hingga beberapa 'watak' utama di kedua-dua puak pernah didakwa lebih banyak menghabiskan masa berbalah daripada menumpukan perhatian kepada tugas lebih utama di kementerian masing-masing bagi manfaat rakyat keseluruhannya.

Di sebalik pengunduran Dr Ling dan Lim dirasakan sebagai suatu kehilangan, tanpa sumbangan kedua-duanya terhadap parti dan masyarakat Cina dapat dinafikan, ia juga menuntut MCA terus mengorak langkah ke depan. Teratas dalam senarai keutamaan ialah untuk merapatkan barisan, dengan pemimpin baru menjadi teladan untuk diselami dan dicontohi ahli pada peringkat bawahan. Pelan damai seperti diilhamkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tidak harus hanya terhenti setakat peralihan kepemimpinan MCA. Gandingan baru Ong-Chan hendaklah diberi sepenuh sokongan dan peluang untuk mengembalikan parti itu ke landasan sebenar.

Pokoknya, peringkat pemimpin dan ahli sendiri hendaklah menerimanya sebagai lembaran baru yang meniupkan angin perubahan dalam menguburkan sikap berpuak-puak, sebaliknya mengembalikan MCA kepada parti yang satu dan utuh. Dengan pilihan raya umum semakin hampir dan persiapan ke arah itu sudah mula digerakkan BN, maka MCA juga harus segera melenyapkan sebarang perselisihan agar muafakat dapat diwujudkan bagi menghadapi cabaran pembangkang sebagai satu pasukan. Seperti dinyatakan Dr Mahathir kelmarin, BN tidak pernah mengiktiraf sebarang kumpulan tetapi hanya menerima MCA sebagai satu parti. Inilah cabaran yang perlu disahut oleh MCA sebagai parti yang mewakili kehendak dan hasrat masyarakat Cina.